

## BAB VI

### P E N U T U P

Memperkatakan tentang undang-undang Islam, sedikit sebanyak telah menarik tumpuan kita kepada Ugama Islam itu sebagai dasar utamanya. Telah lebih tiga abad Ugama Islam datang ke negeri ini dan sejauh itu jugalah undang-undangnya telah berubah atau bercampuraduk dengan adat tempatan. Ugama dan adat salingkait dalam menghadapi kehendak-kehendak masyarakat, sebegitu juga hubungannya antara ugama dengan masyarakat.<sup>1</sup> Undang-undang diadakan atau ditetapkan untuk mempasti bahawa tidak ada ahli-ahli masyarakat yang melanggar nilai-nilai keugamaan mereka, kepercayaan mereka, kesucian dan keagungan sesuatu yang disembah. Dengan tujuan inilah kenapa Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956 itu digubal dan dijadikan satu landasan dan tapak bina kepada orang-orang Islam di negeri Pahang.

Susunan tabbirnya undang-undang ini telah diperkatakan begitu panjang sekali. Cuma dari beberapa bahagiannya ditiadakan atas alasan tidak bersesuaian dengan tajuk perbincangan. Berdasarkan fakta-fakta itu harus ditanya "sejauhmanakah undang-undang Islam itu terpakai?" dan "adakah undang-undang yang dipakai itu sesuai lagi dengan keadaan sekarang ini (jika dibandingkan dengan tahun 1956)?" Untuk menjawab soalan-soalan itu, harus kembali kepada fakta-fakta lepas dan melihat pada bahagian-bahagiannya.

---

1. Matilda White Riley, Sociological Research I, A Case Approach, Harcourt, Brace & World, 1963.

Disamping itu dilihat juga beberapa resolusi-resolusi yang telah dikeluarkan oleh beberapa persidangan di Malaysia hari ini.

Pada segi pelaksanaan Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956 itu dan juga pemakaiannya, bergerak secara evolusi dan lembab. Ujudnya keadaan demikian adalah disebabkan oleh beberapa masalah ekonomi, infra-struktur dan beberapa perkara yang berkait rapat dengan kemajuan sosio-ekonomi negeri Pahang sendiri. Jika dibandingkan negeri itu dengan lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia ini ianya agak jauh ketinggalan dari takat yang dijangkakan. Cuma pada masa pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razak, tumpuan diberikan kepada negeri itu dengan membuka lebih banyak tanah-tanah rancangan dan sebagainya.<sup>2</sup> Kedatangan penduduk-penduduk dari luar negeri Pahang dalam kawasan-kawasan penempatan dan kemudahan-kemudahan komunikasi telah memajukan arah aliran pentadbiran ugama dan undang-undang Islam itu. Jadi kalau dulunya tiada suatu badan penyelaras untuk menyelaras undang-undang itu, tetapi sekarang telah ada Majlis Agama dan Jabatan Agama. Lapan daerah di negeri itu telah dihubungkan oleh suatu sistem komunikasi yang moden. Oleh itu hubungan antara Majlis dan lain Jabatan Kadi telah dipermudahkan dalam masa yang singkat.

---

2. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Melak, Negeri Pahang memperoleh \$2,054 juta peruntukan iaitu melebihi dari negeri-negeri lain (perlu juga diingatkan bahawa rancangan ini disediakan pada masa Allahyarham masih ada lagi). Dato' Hussein Onn, Pengistiharaan Rancangan Malaysia Ketiga, Utusan Malaysia, 10.7.1976.

Pengutipan zakat dan fitrah adalah tugas Majlis. Hasil kutipan zakat sahaja tidak begitu tetap setiap tahun. Lebih-lebih lagi jika ketentuan semata-mata dibuat pada zakat tanaman sahaja. Kalau pada tahun-tahun sebelum 1960'an alasan tidak ketentuan pendapatan ini boleh disebabkan oleh bahagian yang diberi kepada amil yang lebih dari jumlah kutipan dan juga sikap orang-orang Melayu yang lebih suka memberi zakat atau fitrah itu kepada alim ulama tempatan. Selepas tahun 1960'an hinggalah sekarang, keadaan tidak tetap itu masih berlarutan. Pada tahun 1964 kutipannya \$17,314.55. Pada tahun 1966 kutipannya menjadi \$22,973.56. Pada tahun 1970 kutipannya cuma \$17,175.60. Dan pada tahun 1975 menjadi \$39,000. Pertambahan sebanyak dua kali ganda ini disebabkan oleh kebanyakan penduduk tempatan tidak lagi tertumpu kepada usaha menanam padi sebagai tanaman utama. Sebaliknya getah dan kelapa sawit telah mengambil alih kedudukan ekonomi pertanian negeri. Pembukaan lebih banyak tanah rancangan FELDA seperti di Jengka, Pahang Tenggara, Gugusan Pancing, Gugusan Sungai Koyan, Lembah Bilut, Lembah Klau dan sebagainya menarik lebih ramai penduduk mengusahakan tanaman itu. Kedua-dua tanaman itu memberikan hasil jaminan yang memuaskan kepada peneroka-peneroka seluruhnya. Oleh itu mereka berkemampuan untuk membayar zakat dan fitrah sebagaimana dikehendaki.

Mengenai fitrah, mesti dibayar oleh tiap-tiap orang Islam seluruhnya pada tiap-tiap bulan Ramadhan. Kutipan dari fitrah adalah sama mengikut pertambahan penduduk Islamnya. Keseluruhan penduduk negeri ini dianggarkan

503,131 orang<sup>3</sup> dan kutipan yang diterima sebanyak \$357,000.<sup>4</sup> Pada tahun 1974 hasil pendapatannya sebanyak \$340,216.81. Antara beberapa sebab kenapa kutipannya sama sahaja ialah pertama; Sistem bayaran yang mudah ia-itu dengan menilaikannya sebanyak \$1.20 untuk setiap orang. Kedua; adanya pertambahan penduduk "mendatang" akibat daripada penerokaan tanah rancangan FELDA yang begitu banyak dinegeri ini.

Walaupun diwaktu-waktu ini cara kutipan telah dibuat secara sistematis seperti membuat bancian, mengeluarkan resit-resit resmi dan kakitangan yang mahir tetapi terdapat beberapa kelemahan tidak langsung yang seharusnya diperhatikan segera. Antaranya ialah:-

- 1) Zakat yang dikenakan diwaktu ini cuma tertumpu kepada tanaman padi sahaja disebabkan padi merupakan tanaman mengenyangkan. Seharusnya pihak Majlis mengenakan zakat pada harta-harta lain seperti ternakan, hasil-hasil perniagaan yang didapati telah sampai nisabnya. Soalnya sejauhmanakah pihak Majlis berkesanggupan untuk mengadakan pengurusan yang efektif bagi menjamin tiap-tiap kutipan itu mengikut seperti yang direncanakan?

---

3. Siaran Perangkaan Bulanan bagi Malaysia Barat, Jan. 1975, Jadual Am Permulaan, bahagian VI, Pahang.

4. Maklumat Penting, Jabatan Ugama Pahang, 1976 - kutipan untuk tahun 1975.

- ii) Pembancian dibuat oleh para amil terhadap penduduk tempatan yang seharusnya membayar zakat dan fitrah. Daftar bancian itu dilaporkan kepada Kadi Daerah dalam masa lima belas hari dari tarikh bancian itu. Pada keadaan 'biasanya' bancian yang dibuat oleh pembanci-pembangi itu tidak benar-benar menyeluruh terhadap seluruh penduduk tempatan. Perkara komunikasi antara tempat-tempat, taburan penduduk yang berselerak dan terpencil dan berbagai lagi keadaan alam yang boleh menyekat tepatan perkiraan itu.
- iii) Masaalah-masaalah yang dihadapi oleh para amil samada pada segi hubungannya dengan keadaan keliling ataupun hubungannya dari segi peribadi. Seringnya soal-soal peribadi lebih diutamakan oleh mereka memandangkan pendapatan tetap mereka terlalu kecil untuk menandingi perkapita yang begitu tinggi. Sikap mereka juga harus diperhatikan. Ada kalanya sikap marah, malas dan "tidak apa" menjadi lumrah bagi mereka. Secara tidak langsung ini menjejaskan ketetapan bancian yang dijalankan oleh mereka. Dalam soal ini adalah baik jika para amil dilatih dengan sikap yang sentiasa didikasi terhadap maksud dan tujuan utama tugas-tugas Majlis. Begitu juga dengan pendapatan yang harus diberikan kepada mereka hendaklah tetap dan berdasarkan keadaan tempat dimana ia bertugas itu.

Jumlah amil yang ada mestilah diperbanyakkan lagi. Menurut data yang ada jumlah amil menjadi 650 orang pada tahun 1975.<sup>5</sup> Jadual Geraf VI(a) antara tahun 1963 - 1973 itu memberi gambaran pertambahan bilangan mereka ini. Salah satu fakta pertambahan itu bersabit dengan pertambahan penduduk dan penempatan pada tiap-tiap lapan daerah itu.<sup>6</sup>

Jumlah geraf VI(b) pula menggambarkan jumlah muallaf antara tahun 1963 - 1973. Telah lebih daripada sepuluh tahun ujudnya Majlis, tetapi usaha terhadap menarik lebih ramai orang-orang bukan Islam memeluk Islam masih tidak berkesan lagi. Walaupun diwaktu kini terdapat bahagian Penyebaran Agama Islam tetapi fungsi yang sebenar-benarnya tidak berkesan hinggakan para kakitangannya sendiri tidak tahu apakah sebenarnya tugas mereka selama ini. Jaminan yang diberikan kepada setiap muallaf setakat ini tidak benar-benar boleh menjamin keutuhan iman mereka. Suatu kerjasama perlu dibuat antara pihak Majlis dengan PERKIM supaya penyelarasan lebih baik dapat dilakukan terhadap nasib para muallaf itu.

Kutipan hasil dan Baitul Mal pada tahun 1974 cuma \$6,502.70 dan pada tahun ini dianggarkan menjadi \$10,000.00. Kenapa terjadi pertambahan sedikit sahaja?

---

5. Ibid, jadual VI(a), Geraf jumlah amil 1963 - 1973.

6. Pekan, Jerantut, Kuantan, Temerloh, Kuala Lipis, Raub, Bentong dan Cameron Highland.

Sebab utamanya ialah adanya kata sepakat antara ahli-ahli waris dalam pembahagian harta si mati atau wasiat yang tidak lebih daripada  $\frac{1}{2}$  hartanya. Pada masa ini tugas Kadi Daerah cuma menentukan pembahagian (faraid) para waris. Pembahagian dibuat oleh Pemungut Harta Pesaka Kecil. Kedua, kekurangan pegawai dan kakitangan untuk menjalankan pembahagian itu. Setakat ini cuma ada dua orang sahaja Pegawai Pemungut Harta Pesaka Kecil iaitu di Temerloh dan di Pekan. Ketiga, konsep Harta sipencarian dianggap jua sebagai undang-undang Islam.<sup>7</sup> Dari segi hukum syarak harta ini dipanggil Harta Syarikat.<sup>8</sup> Jawatankuasa Kadi Besar Pahang pada tahun 1930 telah mengakui itu sebagai Hukum Syarak.<sup>9</sup> Menurut cara ini isteri mendapat sebahagian daripada harta si suami yang telah mereka usaha bersama. Di dalam kes: Teh Rasim v Neman dan Wan Mahattan v Hj. Abdul Samad,<sup>10</sup> hak isteri dalam pembahagian pesaka tidak hilang walaupun telah berlaku kesalahan dipihak isteri seperti melakukan zina atau cerai tebus talak. Menurut kes: Teh bt. Chik v Kalsum bt. Hj. Abas<sup>11</sup> isteri yang dicerai boleh membuat tuntutan terhadap bahagian masing-masing.

- 
7. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, seksyen 37(2).
  8. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat, buat perbezaan makna antara Harta Syarikat dan Harta Sipencarian, hal. 170.
  9. E.N. Taylor, Malay Family Law, JMBRAS, Vol. XV, Part I, 1937 hal. 3, lihat lampiran VI(c).
  10. Ibid.
  11. (1939) MLJ 289.

Jabatan Agama Islam Pahang lebih menumpukan tugas kepada undang-undang keluarga sahaja. Mahkamah Syariah diwujudkan semata untuk melaksanakan undang-undang tersebut. Ini termasuk juga perkara jenayah dan mal (civil). Pada tahun 1971 terdapat 147 bilangan kes jenayah yang dibicarakan dengan dendanya \$1,577.00 sahaja, serta sembilan orang telah dipenjarakan. Perkara mal (civil) cuma 24 bilangan kes sahaja dibicarakan.<sup>12</sup>

Dalam perkara Undang-Undang Keluarga, negeri Pahang mengamalkan adat Temenggung sebagai asasnya dengan susunan masyarakat yang bilateral-parental. Oleh itu ianya adalah endogami.<sup>13</sup>

Wali memainkan peranan penting dalam rukun nikah. Kepada orang Islam bermazhab Shafie wali mujbirnya ialah bapa atau datuknya.

Perkara yang sering ditimbulkan dalam undang-undang perkahwinan ialah mengenai nikah, cerai, tuntutan nafkah dan poligami. Jadual VI(d) menggambarkan jumlah nikah yang berlaku antara tahun 1966 hingga bulan Jun 1975. Pada tahun 1971 kelihatan pertambahan nikah hinggalah ke tahun 1973 mencapai puncaknya (iaitu melebihi had 2,500 orang setahun).<sup>14</sup> Daerah yang

---

12. Op-cit., hal. 4.

13. En. Tayler & Maxwell - op-cit., hal. 7., iaitu dimaksudkan pada pertalian pihak ayah dan ibu.

14. Jadual VI(d).



paling banyak sekali ialah Kuantan diikuti oleh Temerloh, Pekan, Kuala Lipis, Cenar, Raub, Rompin, Bentong dan Cameron Highland.<sup>15</sup> Pertambahan melambung ini disebabkan pada waktu itu:-<sup>16</sup>

- i) Pertambahan penduduk-penduduk luar menetap di tanah-tanah rancangan yang banyak dibuka di daerah Kuantan dan Temerloh.
- ii) Zaman ekonomi mewah diwaktu itu dimana perkapita penduduk melambung tinggi jika dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan perkahwinan.

Selepas pada tahun itu iaitu pada tahun 1974 dan 1975 jumlah perkahwinan merosot menjadi tidak lebih daripada 1500 perkahwinan sahaja. Ini merupakan 0.9 sahaja dibandingkan dengan jumlah penduduk negeri itu.<sup>17</sup> Kejatuhan perangkaan perkahwinan pada tahun itu, sebab utamanya ialah kesan ekonomi bersabit dengan zaman inflasi ini. Jumlah hantaran pada tiap-tiap daerah negeri ini telah melambung dua kali ganda untuk menyesuaikan dengan keadaan ekonomi itu.

---

15. Jadual VI(e).

16. Temuramah dengan Setiausaha Majlis Ugama Islam, Pahang.

17. Majallah Wanita, Penceraian dan Tuntut Nafkah, Mei, 1976, hal.

Jumlah perceraian begitu tinggi pada tahun 1964, 1967 dan 1970 tetapi merosot pada tahun 1974 dan 1975. Jadual VI(e) memberi gambaran keadaan itu dimana kemerosotan itu nyata sekali antara tahun 1973 dan 1974. Pada tahun tersebut peraturan untuk bercerai telah diperketatkan oleh pihak Jabatan dan Majlis. Beberapa sebab telah dinyatakan oleh Tuan Setiausaha Majlis Agama Islam bagi pihak Kadi-kadi Daerah mengenai perceraian itu:

- i) Perceraian yang telahpun terjadi diantara kedua pihak ditempatnya sendiri. Kehadiran mereka dihadapan Kadi atau Wali Hakim cuma untuk mendaftarkan perceraian itu sahaja.
- ii) Berlaku perceraian melalui surat akibat jarak kedudukan kedua pihak yang berjauhan.
- iii) Kedatangan penduduk luar daerah atau negeri dan berkahwin dengan penduduk tempatan. Akhirnya meninggalkan isterinya begitu sahaja. Keadaan ini biasanya berlaku di bandar-bandar yang mengusahakan perindustrian dengan peluang pekerjaan yang banyak seperti di Kuantan dan Pekan. Pembukaan tanah rancangan juga membawa kesan ini seperti yang berlaku di daerah Temerloh dan Cenor. Lihat pada jadual VI(f), rakah cerai mengikut daerah pada tahun 1973. Kuantan dan Pekan mewakili daerah yang banyak mengusahakan perindustrian sementara Cenor dan Temerloh mewakili daerah pertanian. Daerah-daerah lain meskipun banyak perkahwinan

tetapi perbandingan perceraian adalah rendah.

- iv) Suami yang berkahwin lagi tanpa persetujuan daripada isteri yang pertama dahulu.

Cerai secara taklik pada tahun 1974 berjumlah 87 orang, tebus talak 9 dan nusuz 1 orang dan cerai biasa 921 orang. Kesukaran perceraian itu menjadi 0.3% iaitu ekoran peratus yang tinggi jika dibandingkan dengan bilangan penduduk Melayu seramai 308,986 orang itu. Walaubagaimanapun elok juga diperhatikan sebab-sebab perceraian yang diberi oleh Kementerian Kebajikan Am (Bahagian Khidmat Nasihat & Kesejahteraan Keluarga)<sup>18</sup> untuk negeri ini.

- 1) Kemudahan-kemudahan mendapat perceraian di desa-desa dan lain-lain kawasan penempatan pada tiap-tiap daerah. Kemudahan ini bukan sahaja dimaksudkan pada segi sosio-ekonomi tetapi juga undang-undang yang menyeleraskannya terlalu lemah untuk masyarakat kelilingnya.
- 11) Campurtangan mertua atau ipar dalam masaalah rumahtangga pihak-pihak.

---

18. Majallah Wanita, loc-cit.

- iii) Suami dan isteri yang kurang bertanggungjawab terhadap tugasnya dalam rumahtangga.
- iv) Pendapatan yang tidak mencukupi.
- v) Pihak-pihak yang terlalu muda dan tidak sabar menghadapi masaalah-masaalah rumahtangga.
- vi) Pihak-pihak boros dalam membelanjakan pendapatan hingga melupakan peruntukan pendapatan untuk rumahtangga sendiri.

Secara umumnya bolehlah dibahagikan persoalan penceraian itu kepada dua:-

- i) Sebab-sebab yang berpunca daripada pihak-pihak dalam perkahwinan itu sendiri dimana faktor-faktor pendapatan, taraf, tanggungjawab dan sebagainya yang saling mempengaruhi mereka.
- ii) Kelemahan dalam sistem mentadbirkan undang-undang berkenaan. Oleh itu tidak heran kenapa terdengar jeritan para pejuang wanita menuntut hak-hak mereka dalam perkahwinan dan selepas perkahwinan walaupun mereka tahu bahawa dalam Islam hak itu adalah sama tetapi tidak pada penerimaan masyarakat seluruhnya. Muktamar Pertubuhan Islam di Kuala Lumpur pada 7, 8 dan 9 Mac, 1975 telah menyarankan beberapa perkara: <sup>19</sup>

- i) Seorang suami yang hendak menceraikan isterinya permohonan mestilah diminta lebih dahulu kepada Kadi.<sup>20</sup> Kadi akan menjalankan "siasatan". Jika tidak tercapai perdamaian sahaja baharulah penceraian itu didaftarkan.<sup>21</sup> Soalnya disini, di dalam Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956 itu tidak disebutkan peranan Kadi sebagai penyiasat terhadap permohonan penceraian itu.
  
- ii) Talak hanya boleh dilafazkan dengan persetujuan Kadi atau mahkamah Kadi sahaja. Keadaan ini tidak ada diperuntukan dalam Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956 itu. Malah keadaan ini memerlukan budi-bicara dan kewarasan pihak suami mengenai haknya itu. Seharusnya pihak Majlis dan Jabatan Agama melihat beberapa panduan dari lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia ini mengenai cara-cara itu.<sup>22</sup> Misalnya diperuntukan beberapa perkara seperti:

- 
19. Ahmad Ibrahim, Undang-Undang Keluarga Islam, Al-Islam, 15hb. April, 1975.
  20. Undang-Undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, seksyen 125(1) - pihak suami perlulah mengisi borang tertentu.
  21. Undang-Undang Tadbir Ugama Islam Perak, 1965, seksyen 12.
  22. Pihak Jabatan & Majlis telah cuba meminda Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956 itu pada tahun 1968 tetapi tidak diluluskan.

- a) Pasangan yang ingin bercerai itu hendaklah membuat permohonan kepada Kadi, hadir dihadapannya dan menerangkan sebab-sebab penceraian itu.
- b) Kadi wajib memberi nasihat untuk mendamaikan kedua pihak.
- c) Setelah gagal usaha itu baharulah si suami dibenarkan melafazkan talak kepada isterinya.
- d) Si suami pula mestilah mematuhi arahan-arahan ini:-
  - i) Tidak dibenarkan mentalak isterinya diluar dari Mahkamah Kadi.
  - ii) Talak mestilah dibuat dihadapan Kadi sahaja atau mesti mendapat kelulusan darinya sahaja.<sup>23</sup>

Talak merupakan hak mutlak kepada si suami. Namun begitu tidaklah bermakna si isteri tidak mempunyai hak mereka langsung dalam penceraian.

---

23. Syarat-syarat cerai taklik ini ditimbulkan pada masa perkahwinan dilangsungkan.

Upamanya Faskh dan Cerai Taklik<sup>24</sup> setelah beberapa ketentuan dilanggar oleh pihak suami seperti:-

- i) Tiada memberi nafkah kepadanya.
- ii) Meninggalkan isterinya dengan tanpa apa-apa berita dalam suatu jangkamasa yang panjang.
- iii) Melakukan kezaliman terhadap isterinya.

Mengenai perkara 'rujuk' pula maka sukar untuk mendapat keterangan yang begitu jelas kerana tiada dibuat rekod 'rujuk'. Oleh itu kedatangan pihak-pihak telahpun rujuk tanpa pengetahuan Kadi atau Pegawai yang berkenaan.

Memandangkan kepada terlalu mudah untuk melakukan penceraian diwaktu-waktu kini dan tambahan pula tiada penyelarasan antara negeri-negeri Melayu dalam menghadapi soal yang sama, maka agak sukar untuk diatasi soal itu.<sup>25</sup> Maka itu adalah baik jika Undang-Undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956 itu disemak dan diperketatkan lagi mengenai peruntukan-peruntukan yang bersabit. Juga para bakal-bakal pengantin seharusnya mendapat tunjukajar yang sempurna dari pihak Majlis dan Jabatan Agama supaya

---

24. Undang-Undang Tadbir Ugama Islam, Selangor, 1952.

25. Shirley Gordon, Marriage Divorce in Eleven States of Malaya & Singapore, dalam Intisari, jilid II no. 2, hal. 26.

tidak menganggap perkahwinan itu semata-mata untuk keperluan naluri zahir dan bathin kemanusiaan sahaja.<sup>26</sup>

Perkara-perkara berbangkit selepas penceraian juga harus diperhatikan kerana perkara inilah yang sering membawa pihak-pihak kehadapan Kadi untuk diadili. Antara perkara-perkara itu ialah:-

1) Nafkah

Nafkah diberi kepada isteri yang telah ditalak raj'i untuk masa iddahnya atau talak ba'in pada masa isteri sedang mengandung.<sup>27</sup> Sekiranya si suami enggan, maka pihak Kadi akan mengeluarkan 'Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga' sebagaimana mengikut peruntukan Enakmen (menguatkuasakan Nafkah) (Pemakaian kepada Negeri Pahang) Perempuan-perempuan Bersuami dan Kanak-kanak 1969.<sup>28</sup> Persoalannya ialah bolehkah nafkah itu dihukum bayar selepas masa iddah? Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956 tidak memberi jawapan tentang perkara ini.<sup>29</sup>

---

26. Pendapat Tuan Kadi Besar Pahang, temuramah dengan beliau di Pejabat Agama Islam, Pekan.

27. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, seksyen 130.

28. Akta (Menguatkuasa Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak, 1968, seksyen 12(1)(a).

29. Undang-undang Tadbir Ugama Islam Perlis menyatakan; "Seseorang perempuan yang telah diceraikan boleh memohon kepada Mahkamah Syariah untuk mendapat perintah melawan bekas suaminya mengenakan nafkah yang dibayar bulanan selama ia tidak berkahwin lain dan tidak melakukan salah-laku".



ii) Poligami

Poligami dibenarkan dalam Islam. Walaupun ada diberikan syarat-syarat tertentu tetapi lebih banyak telah disalahgunakan. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956<sup>30</sup> tidak ada langsung membuat peruntukan mengenai perkara ini. Oleh itu adalah baik jika dibuat perkahwinan seperti itu dengan mendapat izin dari mahkamah lebih dahulu. Dalam peruntukan itu hendaklah dinyatakan:-

- i) Sebab-sebab hendak berkahwin lagi.
- ii) Pendapatannya dimasa itu.
- iii) Nama anak-anak dalam tanggungan.
- iv) Pengakuan berlaku adil dari lelaki dan pengakuan taat oleh pihak perempuan.

Dari segi pentadbiran Majlis dan Jabatan Agama, pada amnya tidaklah menimbulkan sebarang perkara yang boleh membawa kelemahan. Namun begitu seharusnya ada sedikit perubahan dibuat terhadap undang-undang 1956

---

30. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, seksyen 124. Pada tahun 1974 cuma 172 orang sahaja yang membuat tuntutan nafkah.

itu atau dicipta satu undang-undang baharu bersejalan dengan kehendak-kehendak zaman ini. Beberapa perkara yang harus diperhatikan ialah pertama; taraf Kadi hendaklah disamakan seperti seorang Majisterit. Kedua; seseorang Kadi hendaklah berpengalaman dalam undang-undang Islam dan juga undang-undang awam di Malaysia dewasa ini. Ketiga; kemudahan-kemudahan yang diadakan untuk pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Kadi hendaklah disamakan sekurang-kurangnya dengan apa yang terdapat di Mahkamah Majisterit seperti letaknya bangunan-bangunan itu, kelengkapan-kelengkapannya dan juga bidangnya. Keempat; seseorang Pegawai Kebajikan Perempuan yang berkelayakan hendaklah diadakan di tiap-tiap Mahkamah Kadi untuk menguruskan perkara-perkara yang bersabit dengan wanita. Kelima; Pegawai Pencegah Maksiat diberi kuasa yang lebih luas untuk menjalankan operasinya.<sup>31</sup> Pada masa ini, pegawai ini cuma bergerak setelah terlalu banyak sungutan orang ramai dibuat diakhbar-akhbar tempatan ataupun setelah perkara maksiat itu dilakukan secara terang-terangan dihadapan masyarakat.

Keseluruhannya, pentadbiran undang-undang Islam di negeri Pahang yang ada pada masa sekarang tidaklah sebenarnya menggambarkan kehendak-kehendak masyarakat Islam seluruhnya. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, itu sudah seharusnya dipinda atau

---

31. Ahmad Ibrahim, Penyerapan Undang-Undang Islam di Malaysia, dibentangkan di Muktamar Intelek Islam, Kelang pada 2 & 3hb. Ogos, 1974.

dirombak sebagaimana yang pernah disuarakan oleh Dulia Yang Maha Mulia Sultan beberapa waktu lalu. Kita juga seharusnya mendapat keyakinan kembali dari orang Islam sendiri bahawa undang-undang itu memberi keadilan seluruhnya dan mempunyai mutu yang setanding dengan mahkamah biasa. Malah jika beberapa keadaan dipinda atau diberi peluang, maka tidak ada sebab kenapa undang-undang Islam itu tidak boleh dipakai pada undang-undang kontrek, jenayah, tort, harta, pekerja, perusahaan, tata-negara dan undang-undang antarabangsa. Professor Ahmad Ibrahim di dalam membentangkan kertaskerja di Muktamar Intelek Islam menyarankan antara lainnya:-

- 1) Memansuhkan Akta Undang-Undang Sibil 1956 dimana pada masa ini Malaysia sentiasa terpaksa merujuk undang-undang Inggeris. Ketiadaan Akta ini bermakna panduan boleh dirujuk kepada undang-undang Islam.
- ii) Mengadakan suatu peruntukan khas di dalam perlembagaan Malaysia yang berbunyi;  
  
"Mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang Islam hendaklah terbatal dan dianggap tidak sah setakatmana ia bertentangan itu..."
- iii) Mengadakan syarat khas dalam semua kanun dan akta supaya merujuk kepada undang-undang Islam jika tidak terdapat apa-apa peruntukan dalam akta atau kanun itu untuk diikuti.

Pentadbiran dan penyelarasan undang-undang Islam negeri seharusnya mendapat pandangan serius dari pihak-pihak berkenaan disamping mempunyai kakitangan yang berkeelayakan mengenai agama sebagai pentadbirannya. Kita tidak mahu undang-undang Islam dan Pentadbirannya dijadikan suatu mainan dan menjadi hak kepada pihak-pihak berkenaan. Keadaan sekarang mencabar sama sekali keimanan orang-orang Islam dalam segala corak kehidupan dan kemarusiaannya.